

PENCAK SILAT DI TURKI...

Dekatkan diri dengan agama Islam

SILAT selalu dikaitkan dengan seni atau kebudayaan, tetapi bagi pesilat-pesilat Turki, silat digunakan untuk mendekatkan diri dengan agama Islam.

Jurulatihnya, Senol Daffi, berkata pencak silat di Turki digunakan sebagai 'alat' untuk menarik minat terutama pemuda-pemudanya bagi mendalami agama Islam.

"Kami berusaha menarik pemuda-pemuda nakal di sana untuk mempelajari pencak silat kerana ia adalah satu-satunya seni mempertahankan diri kepunyaan orang-orang Islam.

"Ramai pemuda nakal, terutama penagih dadah berjaya dipulihkan apabila silat diperkenalkan dan diamalkan oleh mereka," kata Daffi.

Menurutnya, silat kini menjadi kegiatan yang boleh menaikkan kembali taraf moral yang kian merosot di negara itu. Yang menarik mengenai seni silat Turki, ia adalah gabungan silat dan kung fu.

"Bagi kami silat adalah seperti ballet. Ia lebih mengutamakan seni dan bunga-bunga tari yang kami perhatikan terlalu lembut.

"Untuk itu kami mencipta silat yang lebih mantap melalui cara pukulan dan tendangan ala kung fu yang bercorak pantas dan silat

menghasilkan pukulan yang tepat serta padu," ujar Daffi.

Bellau mula mempelajari silat sejak berusia enam tahun daripada bapa saudaranya.

Kini, melalui Akademi Seni Mempertahankan Diri Budo Eropah, Daffi mempunyai 7,000 penuntut dari seluruh Turki.

"Seni silat masih mempunyai keaslian. Orang-orang Eropah boleh mempelajari seni ini, tetapi mereka belajar hanya setakat mahu mengetahui dan mencuba.

"Berbeza dengan orang-orang Islam, mereka belajar dan akan mendalaminya, kerana seni ini ada hubungan dengan agama," tambahnya.

Turki yang diwakili oleh enam pesilat berharap akan berjaya mencatat kejayaan cemerlang.

"Kami yakin pesilat-pesilat kita dapat menandingi mereka dari Eropah yang lain, setelah persiapan rapi dilakukan sejak tiga bulan lalu," katanya.

Senarai peserta: Sultan Usta, Fuat Saritas, Atem Celik, Turhan Sari, Yilmaz Aydin, Senol Daffi.



'SILAT MALAYSIA'

B. Harlan (M)

- 3 DEC 1987

Britain murid kita —

Razak

'SILAT Malaysia' iaitu gabungan pelbagai jenis silat negara ini menjadi pegangan kepada pesilat-pesilat Britain, dalam Kejuaraan Silat Sedunia, yang bermula di Stadium Negara, hari ini.

Perintis silat di negara itu, Razak Othman yang juga jurulatih kepada pasukan ini menyatakan, dia tidak menumpukan pengajarannya kepada satu-satu jenis silat sahaja kerana ia akan menyekat pergerakan.

"Saya mengetahui beberapa jenis silat, terserah kepada pesilat-pesilat itu untuk memilih langkah yang dikehendaki," kata Razak. Menurut Razak, dia menggabungkan semua jenis silat ini semata-